

SMK Pendidikan Khas Setapak dapat bantuan UCTC UKM

Selain tingkatkan kemahiran guru, sebuah kafe akan diwujudkan untuk dijadikan pusat praktikal

Oleh Asmahanim Amir
bhskor@bh.com.my



Prof Rokiah (tiga dari kanan) dan Puan Zaidah Mahadi (tiga dari kiri), bersalaman selepas menandatangani Surat Hasrat (LoI) antara UCTC dengan SMK Pendidikan Khas Setapak, baru-baru ini.

itu turut bermatlamat memperkasakan pengetahuan dan kemahiran guru di sekolah itu berhubung aspek berkenaan.

Pengarah UCTC, Prof Datuk Dr Rokiah Omar, berkata pihaknya menyumbang kepakaran dari segi pembelajaran, ruang pembelajaran dan keperluan Revolusi Perindustrian 4.0

(Industri 4.0) dalam pendidikan cacat penglihatan.

"Antara pengetahuan didedahkan kepada guru ini adalah penggunaan teknologi iaitu bagaimana menggunakan kanta pembesar, kamera litar tertutup (CCTV), selain mengintegrasikan proses pengajaran dan pembelajaran."

"UCTC juga mengadakan kursus kepada guru berhubung keperluan pelajar berkeperluan khas supaya mereka tahu apa boleh dan tidak boleh dilakukan seperti penggunaan warna dapat membantu pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas," katanya pada majlis Menandatangani Surat

Hasrat (LoI) UKM dengan SMK Pendidikan Khas Setapak di sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengetua SMK Pendidikan Khas Setapak, Puan Zaidah Mahadi.

Prof Rokiah berkata, selain bantuan di bawah Program Optometri itu, UCTC mengadakan kerjasama dengan sekolah sama di bawah Program Seni Bina bagi membolehkan UCTC menjalankan projek menaik taraf kafe untuk menjadi *living lab* di sekolah terbabit.

Beliau berkata, UCTC menerima dana sebanyak RM30,000 daripada penyumbang yang membolehkan pakar seni bina pusat itu melakukan rekaan untuk mentransformasi makmal menjadi sebuah kafe.

"Selepas siap, kafe ini akan dijadikan pusat praktikal dan pusat latihan vokasional," katanya.

"Pihak UKM akan turut menaik taraf kelas di sekolah ini dengan berusaha menyediakan peralatan baharu dan ruang belajar lebih kondusif bagi kegunaan pelajar," katanya.